# Rumah untok keluarga Che' Aminah

Berita Harian, 16 April 1966, Page 5

Article also available on Microfilm Reel NL4427



## Rumah untok keluarga Che' Aminah

KUALA LUMPUR, Juma'at.—Jabatan Kebajikan Masharakat Selangor akan berusaha membantu Che Aminah dan sembilan orang anak-nya mendapatkan sa-buah rumah murah di-Kampong Pandan di-sini.

Demikian Pegawai Jabatan Kebajikan Masharakat Selangor, Che Fatiah Musa menyatakan hari ini.

Kata-nya langkah ini di-ambil sa-bagai menyambut pengakuan Persurohjaya Ibukota, Tuan Haji Ismail Panjang Aris baharu2 ini.

Menurut Che Fatimah, pehak-nya bersedia membantu Che Aminah mem-

Information



Newspaper:
Berita Harian

Date:
16 April 1966

Reel Number:
NL4427



Table of Contents

< Previous | Page 5 | Next >

Bengkel untok penulis dan wartawan di-ranchang
Bengkel untok penulis dan wartawan di-ranchang Penulis harus mengisi kemerdekaan. bukan menentang

Templer dan isteri akhiri lawatan
Templer dan isteri akhiri lawatan KUALA LUMPUR, JUma'at.— Tun Sir Gerald Templer dan isteri-nya telah

Tanam padi dua kali
Tanam padi dua kali SEBERANO PRAI, Juma at.— Kaum tanidaerah Kampong Sungai Duri. daerah

View Full Table of Contents

buat permintaan sa-buah rumah murah di-Kampong Pandan.

## Rumah

Tentang bayaran rumah itu, kata-nya terpulang-lah kapada wang derma orang ramai kapada Che Aminah.

"Kami tidak dapat menyediakan segala2-nya tetapi sedia menolong membuat permintaan untok rumah itu sahaja." kata-nya lagi.

Che Fatimah berkata pehak-nya akan memberi bantuan kapada Che Aminah $35 tiap2 bulan.

Tuan Haji Ismail Panjang Aris dalam kenyataan-nya baharu ini berkata ia sedia memberi sa-buah rumah murah dengan sharat Jabatan Kebajikan Masharakat Selangor membuat permintaan rumah itu untok Che Aminah.

## Menumpang

Che Aminah bersama sembilan orang anak-nya sekarang menumpang di-berek penjara Pudu di-sini yang di-beri tempoh tiga bulan sahaja lagi.

Sementara itu, sa-orang anak-nya, Mohamad Zen, 13 tahun, yang belajar di-Sekolah Menengah Aminuddin Baki telah di-terima bekerja sambilan dengan Sharikat Nestle dengan gaji $6 sa-hari.

Sharikat itu juga telah mengambil Rokiah, 17 tahun bekerja dengan-nya.

Mohd. Zen di-ambil berkerja ia-lah dalam masa chuti sekolah sahaja.

Inche Abdul Majid Osman, sa-orang pegawai Sharikat Nestle berkata:

"Saya mengambil Mohd. Zen berkerja ia-lah untok membantu menchari wang belanja hari2 dan belanja dia bersekolah kelak."

"Ini-lah satu jalan bagi Mohd. Zen membantu diri-nya sendiri."

Mohd. Zen mula ber-

kerja sejak tiga hari yang lalu.

## Related Articles

No related article found.

National Library Board

Contact Us Feedback FAQ

Report Vulnerability Terms of Use Linking Disclaimer Privacy Statement Takedown Policy

©2023 Government of Singapore
Last Updated 2019-10-29